

SOLAT SUNAT ISTISQA'

(Meminta hujan)

Pendahuluan.

Solat merupakan doa dan ibadat yang paling penting bagi seorang hamba. Melalui solat ia dapat berhubung secara langsung dan paling hampir dengan Allah SWT. Bagi sesebuah daerah atau negeri yang menghadapi masalah keputusan air kerana kemarau, sedang manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan sangat memerlukannya, ia dituntut untuk menunaikan solat istisqa' iaitu solat meminta hujan, agar diturunkan hujan. Hukumnya sunat muakkad ke atas orang yang mukim, musafir, merdeka, hamba, yang sudah baligh dan belum baligh, lelaki serta perempuan.

Cara Melaksanakan Solat Istisqa'.

1. Boleh dilakukan secara sendirian.
2. Lebih afdhal jika dilakukan secara berjamaah.
3. Solat sunat ini dilakukan bagi tujuan meminta hujan. Jika tidak berkehendakan hujan maka hukumnya tidak harus dan tidak sah.

Persediaan Bagi Melaksanakan Solat Istisqa'.

Perlu menginsafi bahawa manusia tidak mempunyai upaya untuk menentukan sesuatu, kecuali dengan kehendak Allah SWT. Oleh itu sebelum solat atau bermunajat kepada Allah SWT perlu membuat persediaan berikut, antaranya:

1. Seluruh penduduk diminta meninggalkan maksiat dan bertaubat kepada Allah SWT.
2. Seluruh penduduk dengan pakaian yang biasa atau sederhana diminta turut sama keluar beramai-ramai ke masjid atau tanah lapang bagi menunaikan solat secara berjamaah.

Kaifiat Solat Istisqa'.

1. Dilakukan dua rakaat sama seperti solat fardhu atau solat sunat yang lain.
2. Disunatkan melaungkan الصلاة الجامعة untuk memulakan solat.
3. Lafaz niat solat istisqa':

أصلى سنة الاستسقاء ركعتين اماما (مأموما) هليل تعالى .

4. Seperti solat hari raya, selepas membaca doa iftitah bertakbir sebanyak tujuh kali dengan diselangi bacaan tasbih bagi rekaat pertama dan lima kali takbir yang juga diselangi dengan tasbih bagi rekaat kedua.

اهليل أكبر , سبحان اهليل والحمد هليل وال اله

ال اهليل واهليل أكبر ,

وال حول وال قوة ال بااهليل العليل العليلم .

5. Imam sunat menyaringkan suara ketika membaca fatihah dan surah.
 6. Selepas fatihah, membaca surah al-A'la bagi rakaat pertama dan surah al-Ghasyiah bagi rakaat kedua. 7.
- Selepas salam dan selesai solat, imam atau khatib disunatkan berkhotbah (membaca dua khotbah).